

1. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan dialog yang diberikan.

Puan Ida: Anak saya yang bongsu itu sudah pandai berbohong. Dia selalu menipu saya.
Mak Minah: Nasihatilah anak kamu itu sementara dia masih kecil lagi.

- ☐ A air yang dingin sahaja dapat memadamkan api
☐ B jauh bau bunga, dekat bau tahi
☐ C api kecil baik dipadamkan
☐ D awal dibuat akhir diingat

2. Lihat gambar di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan **situasi** dalam gambar tersebut, pilih **dua** peribahasa yang sesuai.



	Peribahasa
I	seperti cincin dengan permata
II	seperti anjing dengan kucing
III	bagai langit dengan bumi
IV	bagai pinang dibelah dua

- ☐ A I dan II
☐ B II dan III
☐ C III dan IV
☐ D I dan IV

3. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Setelah mendapat pekerjaan yang baik di bandar, Zamri langsung tidak mengendahkan sahabat baiknya yang membantunya ketika susah.

- ☐ A habis manis sepah dibuang
☐ B seperti kacang lupakan kulit
☐ C harapkan pagar, pagar makan padi
☐ D sudah dapat gading bertuah, tanduk tidak berguna lagi

4. Lihat gambar di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan **situasi** dalam gambar tersebut, pilih **dua** peribahasa yang sesuai.



	Peribahasa
I	berat sama dipikul ringan sama dijinjing
II	hidup dikandung adat, mati dikandung tanah
III	di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung
IV	ibarat telur sesangkak pecah sebiji pecah semua

- ☐ A I dan II
☐ B II dan III
☐ C III dan IV
☐ D I dan IV

5. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Kesalahan yang dilakukan olehnya terlalu besar sehingga tidak dapat disembunyikan lagi.

- ☐ A di mana semut mati kalau tidak di dalam gula
☐ B bangkai gajah dapatkah ditutup dengan nyiru?
☐ C terkilat ikan dalam air, sudah tahu jantan betina
☐ D tempayan yang penuh tidak akan berkocak airnya

6. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Asnida bekerja sebagai pembantu taska yang berdekatan dengan rumahnya sementara menunggu peluang pekerjaan yang setaraf dengan kelulusannya.

- ☐ A belum duduk sudah berlunjur
☐ B ada batang mati, adalah cendawan tumbuh
☐ C belakang parang pun kalau diasah nescaya tajam
☐ D baik berjagung-jagung sementara padi belum masak

7. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Pasukan bola sepak Amerika Syarikat berhasrat untuk menjuarai Pertandingan Bola Sepak Piala Dunia sedangkan umum mengetahui pasukan itu amat lemah.

- ☐ A tepuk dada tanya selera
☐ B sudah jatuh ditimpa tangga
☐ C indah khabar daripada rupa
☐ D pipit hendak menjadi enggang

8. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Suara penyanyi terkenal itu _____.

- ☐ A merdu bagai buluh perindu
- ☐ B tajam seperti sembilu
- ☐ C garang seperti singa
- ☐ D tenang seperti tasik

9. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Mula-mula kehidupan Puan Mila sekeluarga susah selepas kematian suaminya. Namun begitu, kini kehidupan mereka bertambah baik apabila mendapat bantuan daripada Lembaga Zakat Selangor.

- ☐ A ibarat beban sudah ke tepi
- ☐ B ibarat burung, mata terlepas badan terkurung
- ☐ C laksana buah bemban, masak jatuh ke lumpur
- ☐ D ibarat rumput yang sudah kering; ditimpa hujan segar kembali

10. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

"Saya tidak akan melupakan arwah ibu kamu yang banyak berbudi kepada keluarga saya," kata Milah kepada Hana.

- ☐ A hancur badan dikandung tanah, budi baik dikenang juga
- ☐ B kalau baik jadikan teladan, kalau tak baik jadikan sempadan
- ☐ C jika kerbau dipegang talinya, jika manusia dipegang mulutnya
- ☐ D harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama

11. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Cikgu Arman _____ ketika memarahi murid-murid yang melanggar disiplin sekolah itu.

- ☐ A alim seperti ulama
- ☐ B malas seperti keldai
- ☐ C garang seperti singa
- ☐ D ganas seperti harimau

12. Maksud peribahasa "umpama minyak setitik, di laut sekalipun timbul jua" ialah...

- ☐ A seseorang mudah melupakan kebaikan atau jasa orang lain kepadanya.
- ☐ B seseorang yang berbuat jasa akan dikenang oleh orang sepanjang masa.
- ☐ C seseorang yang tidak mahu mendengar atau menghargai nasihat yang diberikan.
- ☐ D seseorang yang baik walau di mana-mana dia berada sekalipun akan dimuliakan juga.

13. Berikut merupakan peribahasa yang berkaitan dengan sikap tamak, **kecuali**...

- ☐ A yang dikejar tidak dapat, yang dikendong berciciran.
- ☐ B seperti anjing dengan bayang-bayang.
- ☐ C takkan buaya menolak bangkai.
- ☐ D seperti Belanda minta tanah.

14. Lihat gambar di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan **situasi** dalam gambar tersebut, pilihlah peribahasa yang sesuai.



	Peribahasa
I	bapa borek anak rintik
II	seperti talam dua muka
III	ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi
IV	seperti ketam mengajar anaknya berjalan betul

- ☐ A I dan III
☐ B II dan III
☐ C II dan IV
☐ D I dan IV

15. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Harun tidak melawan kata-kata Hamzah yang sedang marah itu.

- ☐ A sarang tebuan jangan dijolok
☐ B air tenang jangan disangka tiada buaya
☐ C gigi dengan lidah ada kalanya tergigit juga
☐ D bertepuk sebelah tangan tak akan berbunyi

16. Lihat gambar bersiri di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan gambar bersiri tersebut, pilih peribahasa yang sesuai.



	Peribahasa
I	seperti kacang lupa akan kulit
II	seperti belut pulang ke lumpur
III	jika kerbau dipegang talinya, jika manusia dipegang janjinya
IV	setinggi-tinggi terbang bangau hinggap di belakang kerbau juga

- ☐ A I dan III
☐ B II dan III
☐ C II dan IV
☐ D I dan IV

17. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

"Dalam hal ini, kita jangan bertindak mengikut perasaan sebaliknya berfikir untuk mencari jalan yang terbaik bagi menyelesaikannya," kata Dali kepada Mazlan.

- ☐ A ikut hati mati, ikut rasa binasa
☐ B rumah sudah slap, pahat berbunyi
☐ C lain dulang lain kaki, lain orang lain hatinya
☐ D kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa

18. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Disebabkan Rajan membuat bising, semua murid di dalam kelas itu didenda.

- ☐ A lempar batu sembunyi tangan
☐ B karam berdua, basah seorang
☐ C lembu punya susu, sapi dapat nama
☐ D sebab nila setitik, rosak susu sebelanga

19. Maksud peribahasa "seperti si buta mendapat tongkat" ialah...

- ☐ A orang yang suka meminta pertolongan daripada orang lain.
- ☐ B orang yang telah berjaya kerana dibantu oleh orang lain.
- ☐ C orang yang hidup susah kerana banyak berhutang.
- ☐ D orang yang sombong setelah beroleh kekayaan.

20. Peribahasa yang boleh dikaitkan dengan keadaan seseorang yang berada dalam situasi genting ialah...

- ☐ A bagai aur ditarik songsang.
- ☐ B bagai telur di hujung tanduk.
- ☐ C seperti embun di hujung rumput.
- ☐ D seperti gunting makan di hujung.